

# Unit Kimlun dapat kontrak RM223.18 juta

UNIT Kimlun Corp Bhd, SPC Industries Sdn Bhd, telah dilantik oleh Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd untuk membekalkan gelegar kotak bersegmen (SBG) untuk pakej tertentu projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang.



Dalam satu kenyataan, Kimlun berkata, bekalan SBG ialah untuk bahagian Sungai Buloh-Kajang untuk kira-kira 40 bulan.

Kontrak bekalan itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan dan aset bersih kumpulan Kimlun dalam tempoh bekalan itu.